

PENDEKATAN PENGAJARAN BERMAIN DI BILIK DARJAH DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH

Mardziah Abdullah
Mariani Md Nor
Fonny Dameaty Hutagalung
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
maryadlpm@gmail.com

This study aimed to explore the teaching approaches preschool teachers based on management aspects of teaching in the classroom. This study is a case study, of qualitative nature. A total of four preschool teachers were involved under the Ministry of Education. Data were collected through interviews protocol, the protocol of observation and analysis of the contents of documents in four months. The data are based on the recommendations of Miles & Huberman (1994). The results showed that pre-school teachers mastered the management of the administrative aspects of teaching but do not have a clear understanding of teaching approaches and the integration of all the aspects in teaching from KSPK. Participants are no longer using the teaching-learning approach through play but have changed as formal teaching such as the standard one teaching approach. Indirectly, the teaching approaches recommended by the Ministry of Education (MOE) are less applied in the classroom.

Keywords: *Teaching approaches, Preschool Teachers, KSPK*

Malaysia memerlukan guru prasekolah yang profesional dalam melaksanakan pengajaran yang dapat memenuhi standard dan juga mengambilkira keperluan murid selaras dengan kandungan kurikulum yang memperkenalkan Membaca, Menulis, Mengira dan Menakul (4M) di peringkat prasekolah. Bagi memenuhi kriteria standard tersebut, guru prasekolah memerlukan panduan yang bersesuaian supaya mereka dapat melaksanakan pendekatan bermaind alam keadaan yang fleksibel (Miller & Almon 2009). Pendidikan prasekolah berfokus kepada kurikulum berpusatkan murid melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan murid secara aktif seperti belajar melalui bermain dan sebagainya. Aktiviti bermain di prasekolah dianggap penting kerana melalui bermain kanak-kanak membina pengetahuan (Mariani, 2010). Untuk itu, guru prasekolah harus bijak dalam pendekatan pengajarannya (Rohaty; 2012). Pendekatan pengajaran merupakan komponen yang paling sukar untuk dikuasai walaupun banyak teori dan teknik yang telah cuba diaplikasikan. Pendekatan pengajaran termasuklah mengurus tingkahlaku murid yang merupakan kemahiran yang hanya akan dicapai melalui pengalaman mengajar.

Selari dengan transformasi kurikulum pendidikan prasekolah yang berfokuskan kepada kurikulum berpusatkan murid, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menghasilkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Salah satu aspek penting yang ditekankan dalam KSPK ialah Amalan Bersesuai Perkembangan (ABP). Berdasarkan ABP, fokus utama kurikulum tersebut ialah pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid (KPM, 2010). Zainal, Mustapha dan Habib (2009) mengatakan pendekatan

pengajaran adalah mengikut cara pengelolaan murid, cara menjalankan aktiviti, keaktifan pengajaran guru atau murid dan kreativiti guru dalam pengajaran. Setiap guru perlu menguasai pendekatan yang sesuai digunakan sebelum mengajar perkara yang baharu kepada murid. Tanpa merancang pendekatan mengajar, boleh menyebabkan guru mengajar seolah-olah seperti syok sendiri (Zamri & Magdeline, 2012). Manakala menurut Aliza (2011) pula, pendekatan pengajaran dalam pengelolaan murid adalah seperti pendekatan individu, pendekatan berpasangan, pendekatan kumpulan kecil atau besar dan pendekatan kelas. Namun begitu di prasekolah terdapat pelbagai pendekatan pengajaran yang boleh diaplikasi oleh guru.

Tinjauan Literatur

Kajian yang dilakukan oleh Azwan (2005) mendapati guru yang bijak menguruskan pengajarannya adalah guru yang mempunyai daya kreativiti dan inovatif. Inovatif ialah kebolehan seseorang guru memulakan sesuatu yang baru sama ada dalam bentuk kaedah, teknik dan pendekatan dalam pengajaran di bilik darjah (Aliza & Zamri; 2014). Daya kreativiti yang tinggi membolehkan sesuatu amalan dalam pengajaran mencorakkan perkembangan minda, emosi, sikap dan nilai diri murid. Kurangnya inovasi dan pembaharuan yang berterusan semasa pengurusan dan pengajaran di dalam bilik darjah akan menyebabkan murid cepat berasa bosan dan menganggap pembelajaran itu tidak menyeronokkan (Aliza & Zamri; 2015).

Kelemahan menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid berasa rendah diri dan masalah disiplin diri jadi merosot. Sifat rendah diri akibat kegagalan yang berterusan membawa kepada konsep kendiri yang rendah. Tingkah laku agresif, negatif, kebudak-budakan serta bermuram adalah petunjuk-petunjuk masalah emosi yang serius. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), kecenderungan guru menggunakan kapur dan papan tulis menyebabkan murid kurang memberi tumpuan dalam pengajaran. Pendekatan mengajar yang tidak menyeronokkan dan lebih berpusatkan guru banyak menimbulkan masalah penguasaan kemahiran asas murid-murid. menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya (Said, & Jamian, 2012).

Namun kajian oleh Johari (2006) mengenai pendekatan pengajaran matematik menggunakan Bahasa Inggeris untuk pelajar luar bandar telah mendapati kebanyakan responden menyatakan kaedah pengajaran guru serta pendekatan dalam bahasa Inggeris yang digunakan oleh guru mudah difahami. Ini menyebabkan tidak timbul masalah pembelajaran di kalangan responden disebabkan oleh pengajaran guru. Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan guru juga dalam bahasa Inggeris dapat menarik minat responden semasa pengajaran dan pembelajaran dan memotivasikan mereka untuk mengikuti sesi pembelajaran dengan baik dan bermakna. Ini disokong oleh Kamaruddin (1986), daya tarikan sesuatu pengajaran bergantung kepada pendekatan mengajar dan kaedah pengajaran guru.

Menurut Jamian (2016), faktor luar kawalan juga penyebab kepada masalah penguasaan kemahiran ini antaranya masalah kecacatan, penyakit dan genetik. Hal ini ditambah dengan faktor persekitaran seperti kemiskinan dan kurang perhatian daripada ibu bapa juga merupakan penyumbang kepada permasalahan menguasai kemahiran membaca dan menulis. Walau bagaimanapun, masalah ini bukanlah dijadikan alasan untuk tidak membantu murid yang bermasalah dalam pembelajaran. Pelbagai usaha serta bantuan daripada kerajaan dan KPM seharusnya menjadi pemangkin serta dorongan bagi guru dan sekolah agar terus berusaha membantu murid bermasalah dalam pembelajaran. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) tertumpu kepada projek membangunkan prasarana sekolah di luar bandar, meningkatkan kadar kehadiran murid di sekolah dan mengurangkan kadar kecinciran, meningkatkan bilangan guru terlatih di sekolah luar bandar serta mempertingkat sistem pengagihan bantuan kepada murid miskin dan murid berkeperluan khas.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Zulkiflie (2004) dan Khairuddin (2008) mendapati kebanyakkan proses pengajaran guru di bilik darjah masih lagi berpusatkan guru sedangkan aspek kreativiti perlu diberi perhatian secara menyeluruh dalam kalangan murid prasekolah yang menjadi asas kepada pendidikan formal. Pendekatan yang dimaksudkan tidak menyentuh kaedah yang digunakan dalam pengajaran. Guru bebas memilih kaedah yang difikirkan sesuai untuk setiap pendekatan yang digunakan (Magdeline, 2008). Bagaimana pun corak pengajaran disampaikan akanlah pendekatan induktif dan pendekatan deduktif. Pendekatan yang memberi tumpuan kepada guru dikenali sebagai pendekatan berpusatkan guru manakala pengajaran yang mementingkan murid dikenali sebagai berpusatkan murid. Pendekatan berpusatkan murid ini dihasratkan dalam kurikulum prasekolah di abad ini.

Di prasekolah, guru menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah yang bersesuaian dengan perkembangan diri, keperluan, kebolehan, bakat dan minat murid (Jain, 2017). Oleh itu guru perlu menyediakan aktiviti dan bahan yang konkret dan menarik supaya murid boleh melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu dirancang dan dikelolakan dengan lebih eliti dan ceria untuk menjamin setiap murid mendapat peluang yang sama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Sani & Yunus; 2018). Kajian Abdul Halim (2014) pula mendapati bahan rangsangan amat perlu untuk menggalakkan pemikiran kreatif murid tetapi dalam amalannya guru masih mengabaikan bahan rangsangan tersebut kerana guru selesa sebab tiada pemantauan dari pentadbir sekolah. Malah guru masih suka mengutarkan soalan tertutup dan mengamalkan gaya pengajaran berpusatkan guru.

Bermula dari pelaksanaan Buku Panduan Prasekolah (1986) sehingga pelaksanaan kurikulum terkini, KPM melaporkan guru prasekolah masih mengamalkan pengajaran secara langsung dan tidak berfokuskan kepada murid. Isu ini telah lama dipersoalkan sejak penubuhan prasekolah annex pada tahun 1992 oleh Rohaty (1999), Puteh dan Ali (2016) serta JNJK (2016).

PenyataanMasalah

Pendekatan pengajaran guru boleh mewujudkan suasana pembelajaran murid ceria atau sebaliknya. Namun melalui pemerhatian ke beberapa buah kelas prasekolah di luar bandar, didapati murid kurang memberi bekerjasama dalam kumpulan. Malah ada dalam kalangan mereka yang menjadi penumpang dalam aktiviti dijalankan. Didapati ada murid yang tidak melibatkan diri secara aktif kerana tidak dapat berkomunikasi dengan baik sesama ahli dalam kumpulan. Namun murid yang mempunyai tahap literasi yang tinggi dan berkebolehan bertutur dengan lancar, mereka dengan mudah menguasai keseluruhan permainan, manakala yang berada di tahap lemah akan ketinggalan. Akibatnya keseluruhan permainan dimonopoli oleh murid yang berkebolehan sahaja manakala penguasaan bahasa murid yang lemah masih ditahap yang sama.

Salah satu objektif yang terkandung dalam KSPK ialah penguasaan 4M murid prasekolah. Walaubagaimana pun KPM 2015 melaporkan, bilangan murid prasekolah yang memasuki program Literasi dan Numerasi (LINUS) ketika di tahun satu adalah tinggi berbanding murid yang mendapatkan pendidikan prasekolah dari agensi lain seperti KEMAS, Perpaduan dan prasekolah swasta. Laporan tersebut merumuskan peratus kemasukan murid tahun satu yang ke program LINUS pada 2015 adalah tinggi iaitu 38% secara keseluruhannya dan 29% terdiri daripada murid yang telah belajar diprasekolah KPM.

Menurut Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) (2012), pendekatan mengajar di prasekolah tidak dilaksanakan dengan berkesan dan kurang menepati kehendak KSPK. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) juga melaporkan bahawa terdapat tiga perkara utama ketidak berkesan pengajaran guru prasekolah. Malah terdapat beberapa percanggahan dalam proses pelaksanaan kurikulum yang tidak menekankan kepada pemupukan pemikiran kreatif,

pemikiran logik dalam Amalan Bersesuai Perkembangan (ABP). Percanggahan kaedah pengajaran di prasekolah juga dilihat lebih menekankan pengajaran berpusatkan guru (JNJK 2015). Terdapat juga guru yang melaksanakan pendekatan pengajaran yang lebih tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata tanpa mengambil kira perkembangan nilai dan sahsiah murid Said dan Jamian (2012). Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti isu pendekatan dan kaedah mengajar guru prasekolah di bilik darjah.

Metodologi

Kajian ini meneroka pendekatan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah di luar bandar. Untuk itu kaedah kajian bersifat kualitatif digunakan dan rekabentuk kajian kualitatif adalah sesuai untuk kajian penerokaan (Creswell, 2012). Kajian penerokaan pula sesuai menggunakan kaedah kajian kes. Oleh itu kajian ini menggunakan kajian kes sebagai satu kaedah kajian dan protocol temubual, pemerhatian dan analisis dokumen adalah sebagai teknik kajian (Othman Lebar, 2009; Creswell, 2012; Robson et. al, 2011). Seramai empat orang peserta terlibat dalam kajian ini. Pemilihan peserta kajian untuk kajian ini dilakukan secara *purposive sampling* atau judgement sampling (Merriam, 2002; Yin, 1998). Sehubungan itu kajian ini telah menetapkan enam kriteria perlu diambil kira semasa proses pemilihan peserta kajian ini.

Pertama, pemilihan guru sebagai peserta terdiri daripada guru opsyen prasekolah dan mengajar di kelas prasekolah dan menggunakan kurikulum sebagai dokumen merancang dan menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH). **Kedua**, peserta memiliki maklumat untuk kajian. Oleh itu semua peserta dalam kajian ini telah mengajar di kelas prasekolah lebih daripada 8 tahun. **Ketiga**, opsyen guru penting kerana kajian ini melibatkan pengetahuan guru. Walau bagaimanapun seorang guru yang menyertai kajian ini bukan pengkhususan pendidikan prasekolah ketika mengikut latihan di maktab perguruan tetapi telah menukar opsyen pendidikan prasekolah semasa dalam perkhidmatan dengan mengikut kursus pendek selama 14 minggu di maktab perguruan. **Keempat**, kajian ini memastikan bahawa guru yang dipilih merupakan guru yang memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam perkara yang dikaji. **Kelima**, kajian ini mendapatkan persetujuan daripada peserta. Perkara ini penting kerana tempoh masa panjang dan maklumat diperlukan daripada peserta. Peserta perlu bersetuju diperhatikan, dirakam dan bersedia ditemu bual (Marohaini, 2001). **Keenam**, lokasi kajian kerana kajian ini meneroka beberapa faktor penyebab kelemahan pengurusan dalam kalangan guru prasekolah. Lokasi kajian ini yang terlibat ialah guru prasekolah yang bertugas di kawasan luar bandar.

Kaedah kajian kes ini memberi fokus kepada penghuraian yang holistik dan memberikan penjelasan kepada sesuatu peristiwa yang berlaku secara mendalam (Yin, 1994). Kajian ini boleh menjawab soalan bila, bagaimana dan mengapa. Kajian kes terdiri daripada dua jenis iaitu penerokaan (*explanatory*) dan diskriptif (*descriptive*). Selaras dengan kajian ini, pendekatan, kaedah, isu dan bidang kajian oleh pengkaji yang terdahulu dalam pendekatan pengajaran matapelajaran lain di Malaysia, masih relevan dan boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada penyelidik. Kajian ini menggunakan protocol kaedah temubual sebagai salah satu cara dalam mengumpul data dan maklumat. Setiap temu bual yang telah di transkrip, diberi semula kapada peserta untuk disemak. Peserta menurunkan tandatangan sekiranya setuju dengan temu bual yang telah ditranskripsikan. Sekiranya peserta tidak setuju, pengkaji memberi peluang peserta mendengar kembali hasil temu bual yang telah dijalankan. Kaedah temu bual dalam kajian ini boleh dilakukan dengan bertemu secara berdepan dengan peserta kajian atau secara atas talian. Medium temubual dalam kajian ini adalah secara lisan. Peserta kajian di temubual untuk tujuan meneroka pendekatan pengajaran yang diaplikasikan di bilik darjah prasekolah.

Dapatan Kajian

Pendekatan pengajaran merupakan perancangan strategi melaksanakan penyampian ilmu di bilik darjah. Terdapat berbagai jenis pendekatan yang boleh diamalkan di prasekolah seperti; i) pendekatan berpusatkan guru, ii) pendekatan berpusatkan murid, iii) pendekatan belajar melalui bermain, dan iv) pendekatan bertema. Analisis data temubual menunjukkan bahawa kefahaman pendekatan pengajaran guru prasekolah berada di dua peringkat iaitu di peringkat asas dan maju, seperti respon P1: “pendekatan mengajar di prasekolah adalah belajar melalui bermain...tapi saya tak mahir merancang aktiviti belajar melalui main” (PK1/tb-u3: 34-36).

P2 juga memberi respon yang hamper sama seperti kenyataan beliau: “...konsep belajar di prasekolah adalah melalui bermain tapisaya sendiri tak mahir mengajar stail macam tu” (P2/TB/U1: 116-118). Apabila ditemubual dengan lebih lanjut lagi, respons beliau: “...ooo..bab ni saya memang lemah..jarang-jarang sekali saya buat sebab susah nak laksanakan” (P2/tdk-u2:13-15). Maklum balas ini menyokong dapatan pemerhatian pengkaji bahawa peserta kajian mengelola murid dari segi latihan kemahiran asas yang utama iaitu membaca, menulis dan mengira. Kemahiran menaakul kurang diberi pendedahan.

Pemerhatian keatas proses pengajaran P1, mendapati pendekatan pengajaran lebih kerap menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Setelah melalui lima kali pemerhatian, empat darinya menunjukkan guru prasekolah mengajar secara formal. Melalui catatan lapangan juga mendapati P1 menggunakan lembarankerja pada setiap sesi pengajaran. Apabila diajukan kenapa situasi itu berlaku, peserta kajian memaklumkan: “...melalui cara ni saya mudah mengawal bilik darjah dan disiplin murid juga terkawal” (P1/TB-U3: 65-68). Menurutnya lagi: “...Ibu bapa mensasarkan anak mereka menguasai 4M. Bila isu tu diminitkan, saya pun rasa bimbanglah kalua semua tu tak tercapai. kadang-kadang terikut stail darjahsatu juga mengajar ni” (P1/TB-U3: 79-84).

Menurut P1, beliau sukar melaksanakan pendekatan pengajaran seperti tahun-tahun sebelum ini. Sukar untuk mengikut semua yang di sarankan dalam kurikulum. Kebimbangan murid tidak menguasai 4M menjadikan P1 mengajar seperti guru tahun 1. Situasi yang sama di alami oleh P2, P3 dan P4 seperti respons mereka: “...kita faham dedah tu adalah asas tapi kefahaman ibu bapa menguasai” (P2/TB-U2: 33-34). Respons P3: “...ada mak ayah yang warning saya bagitau, hujung tahun ni anak saya mesti boleh baca dan tulis” (P3/TB-U2: 33-38). Manakala respons P4 pula: “...kalua tak di latih dari awal tahun memang murid ni tak kuasai 4M” (P4/TB-U2: 30-35).

Ini menunjukkan peserta kajian lebih banyak menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru dan pendekatan pengajaran lebih terarah stail aliran perdana seperti murid tahun satu. Melalui pemerhatian elemen pendekatan belajar melalui bermain jarang sekali di amalkan oleh peserta kajian. Peserta lebih menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Hasil temubual bersama peserta kajian mendapati mereka perlu memastikan murid yang hadir ke kelas prasekolah tidak terlibat dalam program LINUS apabila berada di tahun 1. Berikut adalah respons mereka: “...kalau murid darjah satu tidak pandai membaca dan menulis, guru besar dan guru tahun satu akan menundung jari kearah prasekolah” (P1/tdk-u3: 50-52). Manakala respons P2: “...tapi bila saya follow kspk bulat-bulat, memang murid tak dapat kuasai 4M”(P2/tb-u3: 103-104). Maklumbalas P3:“...GB sound saya kalau murid prasekolah masuk LINUS”(P3/tb-u4: 91-92) dan P4 pula:“...sebab LINUS..bila guru tahun satu buat saringan..mereka dapati murid prasekolah belum menguasai 3M”(P4/tb-u3: 101-103)

Secara tidak langsung situasi ini menunjukkan pendekatan pengajaran peserta kajian tidak lagi menggunakan pendekatan belajar melalui bermain dan pendekatan pengajaran berpusatkan murid. Pengajaran mereka lebih terfokus untuk mencapai sasaran sifar LINUS. Sepertimana kenyataan P3: “...LINUS ni yang jadikan pengajaran saya dirancang lain, diajar lain” (P3/tb-u4: 101-102). Kenyataan ini menunjukkan modul bertema tidak digunakan dalam

pengajaran. Malah masa yang di cadangkan dalam KSPK sebanyak 340 minit untuk modul tersebut diguna untuk modul kemahiran asas.

Lantaran itu penguasaan kemahiran asas 4M lebih ditekankan dalam pengajaran di prasekolah berbanding penggunaan modul bertema. Melalui pemerhatian dan analisis dokumen didapat masa yang ditetapkan untuk kemahiran asas Bahasa Inggeris juga tidak digunakan malah di tukar dengan kemahiran asas Bahasa Malaysia. Apabila diaju respons P2: "...saya sendiri tidak mahir berbahasa Inggeris, macam mana nak ajar" (P2/tdk-u3:74-75). Manakala respons P4 pula: "...sikit-sikit tu boleh la, saya bukannya pandai sangat BI ni. Salah ajar nanti saya juga yang susah" (P4/tdk-u3: 58-60). Ini menunjukkan masa yang diperuntukkan untuk kemahiran asas Bahasa Inggeris itu telah diubah kepada kemahiran asas Bahasa Malaysia. Ini menunjukkan peserta kajian memang menggunakan masa yang panjang untuk memberi pendedahan 4M kepada murid.

Peserta Kajian	Pendekatan Pengajaran
P1	Memilik kefahaman tentang pendekatan yang sesuai dan boleh diaplikasikan di prasekolah Menggunakan pendekatan berpusatkan guru Tidak menggunakan pendekatan berpusatkan murid Tidak menggunakan modul bertema Mengutamakan penggunaan modul kemahiran asas
P2	Memilik kefahaman tentang pendekatan yang sesuai dan boleh diaplikasikan di prasekolah Memahami penggunaan pendekatan berpusatkan guru Memahami penggunaan pendekatan berpusatkan murid Kadang-kadang menggunakan modul bertema Mengutamakan penggunaan modul kemahiran asas
P3	Memilik kefahaman tentang pendekatan yang sesuai dan boleh diaplikasikan di prasekolah Menggunakan pendekatan berpusatkan guru Tidak menggunakan pendekatan berpusatkan murid Tidak menggunakan modul bertema Mengutamakan penggunaan modul kemahiran asas
P4	Memilik kefahaman tentang pendekatan yang sesuai dan boleh diaplikasikan di prasekolah Menggunakan pendekatan berpusatkan guru Tidak menggunakan pendekatan berpusatkan murid Tidak menggunakan modul bertema Mengutamakan penggunaan modul kemahiran asas

Keseluruhan dapatan kajian mengenai pendekatan pengajaran prasekolah peserta kajian, didapati semua peserta kajian memiliki pengetahuan dan kefahaman tentang pendekatan pengajaran prasekolah, ini dapat ditunjukkan melalui respons temubual. Namun amalan pendekatan tersebut tidak dijalankan di prasekolah dengan seadanya malah mereka lebih menggunakan pendekatan berpusatkan guru berbanding berpusatkan murid. Situasi ini dilihat melalui pemerhatian di sepanjang proses pengajaran yang dilakukan terhadap peserta kajian. Peserta kajian lagi tidak menggunakan pendekatan berpusatkan murid tetapi menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Menurut mereka melalui pendekatan berpusatkan

guru, disiplin murid lebih terkawal dan perjalanan pengajaran dan pembelajaran juga lebih senang. Peserta kajian dilihat menggunakan pengalaman mengajar dalam penggunaan kurikulum sebelumnya, serta pengetahuan asas yang dimiliki oleh mereka untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

Perbincangan

Kajian ini mendapati semua peserta kajian kurang menggunakan modul bertema dalam pengajaran di prasekolah. Malah mereka lebih menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru. Murid kerap menggunakan buku latihan dan lembaran kerja. Mereka hanya melakukan aktiviti menulis dan mewarna. Situasi ini menunjukkan tidak semua guru prasekolah menerima pendedahan lanjut berkenaan kurikulum. Dapatkan ini selari dengan Said dan Jamian (2012) yang mengatakan hal ini berlaku kerana tidak semua guru mendapat pendedahan kurikulum terkini. Situasi ini menyebabkan pendekatan pengajaran guru yang lemah.

Justeru itu pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru prasekolah juga lebih kepada berpusatkan guru tanpa memberi peluang murid meneroka dunia mereka. Kajian ini turut mendapati pendekatan berpusatkan guru boleh membantu guru mengawal disiplin di bilik darjah. Walaubagaimana pun dapatan ini bertentangan dengan Mariani Md Nor. (2010) yang mengatakan pendekatan berpusatkan murid amat sesuai digunakan di prasekolah untuk kesepaduan beberapa kemahiran, nilai murid, aktiviti kelas dan luar bilik darjah. Dapatkan kajian ini juga bercanggah dengan saranan KSPK yang mengatakan pendekatan pengajaran guru perlu lebih berpusatkan murid.

Lantaran itu peserta kajian mengajar lebih formal untuk mencapai sasaran penguasaan 4M tanpa mengambilira keperluan perkembangan jasmani, rohani, emosi dan sosial murid. Walaubagaimana pun kajian ini menolak kajian Sulaiman (2004) yang mengatakan pembelajaran yang lebih menggunakan aktiviti bermain akan menggabungkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan menaakul.

Guru prasekolah juga perlu diberi peluang berkreativiti dalam pengajaran mereka. Mereka juga harus dibimbing menggunakan kurikulum terkini kerana tidak semua guru berpeluang menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh JPN dan KPM. Pentadbir juga tidak perlu menetapkan sasaran sifar LINUS pada murid prasekolah kerana merekahanya diajar kemahiran asas sahaja dan guru prasekolah pula bukanlah beropsyen Bahasa Malaysia atau Matematik. Pengkhususan guru prasekolah ketika menerima latihan perguruana dalam Prasekolah. Oleh itu tidak adil murid prasekolah di saring untuk program LINUS. Seharusnya mereka disaring apabila memasuki tahun 2 kerana guru yang mengajar Bahasa Malaysia dan Matematik di tahun satu adalah guru opsyen. Malah masa pengajaran Bahasa Melayu dan Matematik lebih panjang berbanding di prasekolah. Jadi dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi refleksi tentang pendekatan pengajaran guru prasekolah.

Kajian ini mendapati Peserta kerap menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Jarang sekali dilihat Peserta menggunakan pendekatan berpusatkan murid, pendekatan bertema dan pendekatan bermain. Peserta memberi alasan proses pengawalan bilik darjah menjadi lebih mudah jika menggunakan pendekatan berpusatkan guru kerana pengajaran lebih berpandu. Melalui pemerhatian juga, tiga orang peserta dilihat menggunakan pendekatan tersebut. Disiplin murid juga adalah terkawal di sepanjang sesi pengajaran guru. Dapatkan ini menyokong kajian Mariani Md Nor. (2010) yang menyatakan disiplin murid di bilik darjah boleh dikawal sekiranya proses pengajaran guru di bilik darjah menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Dapatkan ini juga menyokong pemantauan JNJK (2013) yang melaporkan pengajaran guru banyak menggunakan pendekatan berpusatkan guru berbanding berpusatkan murid.

Namun kajian ini bertentangan dapatan Aliza dan Zamri (2013) serta Sharifah Nor Puteh (2012) yang mengatakan pengajaran berpusatkan murid amat sesuai digunakan dalam

pendekatan pengajaran di prasekolah kerana pada peringkat umur di bawah 5 tahun, daya ingin tahu murid adalah tinggi. Kajian ini juga menyangkal pandangan KPM (2010, 2012) yang mengatakan pendekatan pengajaran berpusatkan murid mampu menyediakan peluang untuk meneroka sesuatu topik dengan cara yang lebih mendalam, lebih banyak pilihan, memberi motivasi untuk kepuasan murid dan pengawasan murid juga lebih mudah dan terkawal. Disokong juga dengan kajian Norhaliza (2012) yang mengatakan pendekatan murid secara berkumpulan membolehkan guru membimbang murid mengikut kebolehan dalam menjalankan aktiviti disamping aktiviti pengukuhan dan pengayaan mengikut keperluan murid. Manakala pendekatan bertema pula dianggap sebagai rangsangan kearah pembelajaran murid (KPM, 2010). Oleh itu beberapa faktor perlu diambil kira dalam pemilihan tema. Antara tema yang dipilih haruslah mampu merentas semua tunjang, bersesuaian dan berkaitan dengan pengalaman dan kehidupan murid, sesuai dengan situasi, masa dan peristiwa (Olga et. al, 2012).

Walaubagaimana pun kajian ini mendapati pendekatan bertema tidak diaplikasikan di bilik darjah prasekolah dan pengajaran guru didapati bersifat formal dalam memperkenalkan 4M kepada murid. Menerusi pemerhatian Peserta dilihat mengikut kehendak pentadbir dan ibubapa yang menghendaki anak mereka menguasai 4M sebelum melangkah ketahun satu. Mereka mengenepikan keperluan murid tetapi memenuhi kehendak ibubapa dan pihak pentadbir sekolah. Pentadbir pula mahukan semua murid prasekolah tidak terlibat dalam program LINUS. Dua perkara ini menjadikan Peserta mengabaikan pendekatan bertema. Kajian ini menyokong pandangan Mariani (2012) yang mengatakan guru prasekolah terlalu memberikan penumpuan terhadap keperluan akademik murid sebagai ukuran prestasi kerja mereka. Malah kajian ini juga menyokong laporan JNJK (2013) yang melaporkan guru prasekolah mengajar tidak menggunakan tema sepertimana yang dirancang dalam RPH. Dapatkan ini bertentangan dengan saranan *The National Association on the Education of Young Children* (2009) yang menetapkan bahawa amalan pengajaran guru prasekolah perlu merangkumi keperluan perkembangan murid, iaitu melibatkan tahap umur dan tidak hanya fokus pada pencapaian akademik murid semata-mata. Namun kajian ini menyokong dapatkan Tarmizi (2008) yang mengatakan guru kurang menguasai sesuatu tema secara mendalam dan sukar mengaitkan pengajaran mereka. Senario ini menyukarkan guru mencapai standard prestasi yang dihasratkan.

Menguasai sesuatu pendekatan pengajaran berkait rapat dengan pengetahuan dan hasrat kurikulum. Oleh itu seseorang guru prasekolah itu haruslah menguasai KSPK sebelum memilih pendekatan yang sesuai digunakan dalam pengajaran. Lantaran itu kajian ini mendapati pengetahuan Peserta mengenai kandungan dan hasrat KSPK adalah tidak menyeluruh. Walaupun KSPK telah digunakan sejak 2010, Peserta tidak dapat menjelaskan dengan tepat berkaitan isi pengajaran. Malah peserta boleh menyatakan tunjang pembelajaran yang terdapat dalam KSPK tetapi tidak dapat menjelaskan isi pelajaran yang sesuai berkaitan tunjang-tunjang tersebut. Ada diantara Peserta yang mengajar persis guru tahun satu. Apabila guru tidak jelas mengenai isi pelajaran dan hasil pembelajaran, sudah pasti kurikulum tidak dihayati dan difahami. Sepertimana pendapat Abd Halim (2015), menyatakan pengetahuan kandungan kurikulum guru amat penting untuk menyampaikan pengajaran kepada murid.

Kajian ini juga mendapati Peserta tidak memahami ABP. Lantaran itu mereka dilihat bersungguh memperkenalkan 4M kepada murid. Kesungguhan itu adalah kerana mereka bimbang murid prasekolah tidak menguasai literasi dan numerasi apabila berada di tahun satu. Mereka tahu dan memahami keperluan murid prasekolah iaitu menguasai perkembangan asas seperti kemahiran motor halus, motor kasar, koordinasi mata tangan dan sebagainya sepertimana yang diterapkan melalui tunjang dalam KSPK tetapi dengan kehadiran LINUS, corak pengajaran mereka berubah. Namun, kajian ini berpendapat pelaksanaan pengajaran yang dilaksanakan oleh Peserta adalah selari dengan hasrat KSPK yang menghendaki murid

prasekolah menguasai kemahiran 4M untuk menyediakan murid ke Tahun Satu. Malah kajian ini juga mendapati, peserta terdorong melaksanakan pengajaran yang tertumpu kepada aspek kognitif kerana tuntutan ibubapa murid yang mahukan anak-anak mereka menguasai aspek tersebut sebelum melangkah ke tahun satu.

Kesimpulan

Guru yang cemerlang adalah mereka yang mahir dalam pendekatan pengajaran dengan mengambil kira pertumbuhan dan perkembangan murid tanpa memikirkan kehendak ibubapa dan pihak pentadbiran. Kemampuan dan keupayaan para guru menggunakan pendekatan pengajaran akan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang ceria, kondusif dan menyeronokkan disamping menyediakan murid prasekolah menerima pendidikan formal apabila mereka ke tahun satu. Maka untuk cemerlang dan mencapai kepuasan bekerja, sesorang guru prasekolah perlu mencari ilmu berkaitan kaedah mengajar agar murid menguasai kemahiran asas sebelum melangkah ke arus perdana. Guru juga boleh membina rangkaian bersama guru-guru prasekolah daripada pelbagai negara untuk menjana ilmu sedia ada.

Antara implikasi yang dibahaskan ialah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Situasi ini berlaku apabila pihak pentadbir mensasarkan murid prasekolah tidak terlibat dalam program LINUS. Jadi untuk melatih murid menguasai bacaan, tulisan dan awal matematik, memerlukan masa yang panjang kerana setiap murid itu berbeza perkembangannya. Secara tidak langsung menjadikan kurikulum prasekolah (KSPK) yang dikeluarkan oleh KPM tidak diikut sepenuhnya di prasekolah. KSPK itu menetapkan 6 tunjang dalam KSPK tersebut dan murid prasekolah perlu menguasainya. Aktiviti yang sesuai mengikut tunjang-tunjang tersebut tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana guru perlu membimbing murid menguasai 4M sebelum murid itu ke tahun satu. Walaupun guru menyediakan RPH tetapi tidak mengikut apa yang dirancangkan sebab mereka lebih memberi tumpuan pada 4M.

Oleh yang demikian adalah diharapkan agar kajian berkaitan pendekatan pengajaran ini dapat diperhalusi dengan mengkaji beberapa konstruk lain dalam model pendekatan pengajaran khususnya prasekolah. Kajian juga boleh melibatkan guru yang berlainan prasekolah seperti prasekolah pendidikan khas. Ini kerana, kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap guru prasekolah normal. Adalah diharap kajian masa depan dicadangkan melibatkan guru prasekolah pendidikan khas, tadika-tadika swasta, KEMAS dan Perpaduan supaya dapat membanding bezakan pengurusan pengajaran prasekolah-prasekolah tersebut. Dapatkan kajian mungkin lebih menarik kerana melibatkan pelbagai faktor yang mencetuskan polimik terhadap pendekatan pengajaran di prasekolah Malaysia.

Kajian lanjut perlu juga mengambil kira mengenai lokasi kerana kajian ini hanya berlaku di daerah Jempol, Negeri Sembilan dengan sebilangan sekolah yang terlibat adalah luar Bandar dan kawasan felda. Oleh itu dicadangkan kajian lanjut boleh dialihkan ke kawasan Bandar, pinggir Bandar, sekolah orang asli dan meneroka penemuan hasil dapatan yang pelbagai, lebih luas dan berbeza mengikut lokasi dan tempat guru prasekolah bertugas. Manakala proses pemerhatian adalah dicadangkan melibatkan bilangan Peserta, tempoh yang lebih panjang agar mendapat corak dan kefahaman sebenar mengenai pengurusan pengajaran dalam melaksanakan transformasi pendidikan prasekolah. Temu bual boleh diperincikan dengan melibatkan corak pengurusan, perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan secara menyeluruh dengan mengambil kira peranan pembantu pengurusan murid dan pentadbir sekolah.

Rujukan

- Masnan, A. H., & Radzi, N. M. M. (2015). Pengetahuan Persediaan Pengajaran Guru Prasekolah Baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4, 90-108.
- Ali, A., & Mahamod, Z. (2017). Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain bagi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-kanak Prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-8.
- Jamian, A. R. (2016). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). (2012). *Laporan Kebangsaan Pemeriksaan Bertema Pendidikan Prasekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). (2013). *Laporan Kebangsaan Pemeriksaan Khas Pendidikan Prasekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mahamod, Z., & anak Nor, M. (2012). Penggunaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa iban. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2).
- Malaysia, K. P. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013– 2015*. Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm, 1.
- Majzub, R. M. (2009). The development of a web based ecological assessment of school readiness (WEBEASR). *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 2568- 2572.
- Majzub, R. M., & Rashid, A. A. (2012). School readiness among preschool children. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 46, 3524-3529.
- Majzub, R. M. (2013). Teacher trainees' self evaluation during teaching practicum. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 102, 195-203.
- Malaysia, K. P. (2001). *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Malaysia, K. P. (2009). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mariani Md Nor. (2010). *Learn Through Play Approach as Best Practices in Teaching Young Children*. Persidangan Kebangsaan Prasekolah. 29 Jun – 2 Julai 2010
- Miles, H.B., & Huberman. A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook*. Ed ke -2. Thousand Oaks, USA: Sage Publications.
- Miller, E., & Almon, J. (2009). *Crisis in the kindergarten: Why children need to play in school*. College Park, MD: Alliance for Childhood.
- Puteh, S. N., & Ali, A. (2016). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kurikulum Berasaskan Bermain bagi Aspek Perkembangan Bahasa dan Literasi Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 141-159.
- Puteh, S. N., & Ali, A. (2016). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-16.
- Puteh, S. N., & Salam, K. A. A. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25-34.
- Said, R. R., & Jamian, A. R. (2012). Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang Di Dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 27.
- Sani, N. A., & Yunus, F. (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pra numerasi di Tadika Swasta (Planning, Implementation and Assessment Practices in the Teaching and Learning Process of Prenumeration in Private Kindergarten). *Malaysian Journal of Education*, 43(02), 101-110.

- Sulaiman, T. (2004). *Pelaksanaan pengajaran kemahiran menyiasat di prasekolah dan tahap I sekolah rendah* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Surif, J., Ibrahim, N. H., & Kamaruddin, M. I. (2006). Masalah pembelajaran matematik dalam bahasa Inggeris di kalangan pelajar tingkatan 2 luar bandar.
- Zainal, T. Z. T., Mustapha, R., & Habib, A. R. (2009). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes di SekolahRendah (Pedagogical Content Knowledge of Mathematic Teachers on Fraction: A Case Study at Primary Schools). *Jurnal Pendidikan Malaysia/ Malaysian Journal of Education*, 34(1), 131-153.